

FW: TAWARAN UNTUK MENYERTAI PASUKAN PEGAWAI PERHUBUNGAN PROTOKOL DAN ISTIADAT

Jabatan Pendaftar

Telah Dihantar: 01 September 2010 10:45

Kepada: UUM - All Staff

Lampiran-lampiran: BORANG PERMOHONAN PEGAWAI~L.docx (52 KB) [Buka sebagai Halaman Web];

1 SEPTEMBER 2010**22 RAMADHAN 1431H**UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**HEBAHAN PENDAFTAR, 1 September 2010: TAWARAN UNTUK MENYERTAI PASUKAN PEGAWAI PERHUBUNGAN PROTOKOL DAN ISTIADAT**

Universiti Utara Malaysia akan mewujudkan **Pasukan Pegawai Perhubungan Protokol dan Istiadat (PPPI)** untuk bertugas dalam acara-acara rasmi Universiti termasuk Majlis Konvokesyen.

Tawaran adalah dipelawa kepada Pegawai Tadbir N41, Pensyarah DS45 dan staf sokongan gred N17 ke atas.

Pegawai-pegawai Universiti yang terpilih akan diberi beberapa insentif dan ganjaran seperti berikut:-

- a) Dua (2) set pakaian khas;
- b) Diambil kira dalam penilaian prestasi tahunan;
- c) Kursus bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang berkaitan; dan
- d) Sijil Penghargaan.

Pegawai-pegawai akan dipilih berdasarkan kriteria berikut:-

- a) Mempunyai minat dan komitmen yang tinggi terhadap tugas ini.
- b) Mempunyai perwatakan dan ketrampilan diri yang menarik dan menyenangkan.
- c) Mempunyai kemahiran sosial yang tinggi.

Borang permohonan disertakan bersama e-mel ini (lihat attachment). Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **En. Afendy Muhammad di talian 3030** atau **Pn. Maheran di talian 3024**.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **5 September 2010 (Ahad)**.